

Headline	<b>Bank Pertanian biaya projek kenaf</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>15. Mar 2008</b>	Page No	<b>30</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>211 cm2</b>
Section	<b>Ekonomi</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



# Bank Pertanian biaya projek kenaf

**B**ANK Pertanian Malaysia menyediakan pembiayaan kepada petani yang bercadang beralih daripada tanaman tembakau kepada kenaf di bawah inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER).

Pengurus Besarinya, Martini Osman, berkata bank itu yang diberikan mandat menyalurkan skim pinjaman tembakau bersedia menawarkan pembiayaan alternatif bagi membantu petani menukar skim tembakau sekarang kepada perladangan kenaf.

"Inisiatif ini adalah sebahagian dari usaha mengukuhkan kehadiran dan kedudukan Bank Pertanian dalam komuniti perladangan, terutama mereka yang terbabit dalam projek di bawah ECER," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan sekretariat ECER.

Penanaman kenaf diberi keutamaan kerana apabila Kawasan Perda-

ngan Bebas Asean berkuat kuasa pada 2010, Malaysia akan mengurangkan duti import tembakau, menjadikan penanaman tembakau kurang berdaya saing.

Penanaman tembakau telah menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan isi rumah di pedalaman Kelantan dan Terengganu.

Di bawah ECER, keluasan kawasan sasaran bagi kenaf ialah kira-kira 10,000 hektar. Ia dijangka meningkatkan pendapatan 10,000 pekebun kecil tembakau dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan.

Pokok kenaf boleh diproses menjadi kertas, pakaian, bahan binaan, aksesori kereta dan biofuel.

Biji benih kenaf menghasilkan minyak sayuran yang boleh dimakan dan kaya bahan anti pengoksidaan omega.

Minyak berkenaan boleh juga digunakan untuk kosmetik, minyak pelincir industri dan biofuel.

Pada peringkat global, kenaf men-

capai harga antara RM700 dan RM1,200 setan dengan 95 peratus daripada pengeluaran kenaf global yang berjumlah tiga juta tan setahun disumbangkan China, Bangladesh, Thailand dan Myanmar.

Lembaga Tembakau Negara (LTN) menggalakkan petani menanam kenaf yang mempunyai potensi besar manakala Institut Penyelidikan Veterinar, Institut Pembangunan Penyelidikan Pertanian dan Universiti Putra Malaysia telah menubuhkan satu kumpulan teknikal kenaf.

Kerajaan sudah memperuntukkan RM2 juta bagi tujuan penyelidikan kenaf di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7)(1996 hingga 2000) dan RM3.2 juta untuk tujuan yang sama di bawah RMK-8 (2001-2005).

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Tembakau Kebangsaan, Datuk Mohd Zain Ismail, berkata petani tembakau digalakkan menanam kenaf kerana ia menyediakan peluang perniagaan yang memberangsangkan.

Tahun lalu, beliau berkata, pihaknya memperuntukkan RM68 juta bagi membantu petani tembakau men-

